



HAJJI melakukan gimik pelancaran Borneo.TV.

## Borneo.TV bawa naratif Sabah ke peringkat global

### Larry Ralon

KOTA KINABALU: Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor melancarkan Borneo.TV, pada Selasa, sebuah platform penstriman baharu yang mengetengahkan wajah, suara dan budaya Sabah ke peringkat antarabangsa.

Platform dengan slogan "Cerita Sabah di Mata Dunia" ("Sabah in the Eyes of the World") itu bakal menjadi saluran utama menyampaikan kandungan sahih, dokumentari asli, seni budaya dan keindahan alam semula jadi Sabah melalui pendekatan digital yang lebih moden, fleksibel dan global.

"Ini bukan sekadar pelancaran media digital, tetapi satu pentas untuk anak-anak Sabah berkarya dan membentuk citra negeri melalui naratif sendiri," katanya ketika menyempurnakan majlis pelancaran di Menara Kinabalu pada Selasa.

Hajiji berkata, pelancaran Borneo.TV adalah langkah tepat dalam era media penstriman Over-The-Top (OTT) yang tidak lagi bergantung kepada saluran konvensional, selain memberi peluang kepada pencipta kandungan tempatan menembusi pasaran lebih luas.

"Perubahan gaya hidup masyarakat hari ini, daripada komunikasi hingga hiburan,

segalanya dipacu digital. Borneo.TV adalah respons tepat kepada perubahan ini dan peluang untuk kita tampil dengan kandungan sendiri," katanya.

Menurutnya, kerajaan negeri memberi sokongan penuh terhadap pelaksanaan Borneo.TV kerana ia bukan sahaja platform penyiaran, malah medium strategik menyampaikan cerita sebenar rakyat Sabah kepada dunia.

"Dunia penyiaran hari ini menuntut kreativiti, keberanian dan kepekaan terhadap kehendak penonton. Saya mahu Borneo.TV jadi ruang untuk mencabar norma, mengetengahkan idea baharu dan memperkenalkan wajah sebenar Sabah," katanya.

Hajiji turut menegaskan bahawa petugas Borneo.TV harus melihat tugas mereka bukan sekadar rutin teknikal, tetapi sebagai satu bentuk seni kreatif yang membina imej negeri. Kandungan yang diterbitkan mesti membawa nilai, identiti dan naratif yang membina.

Beliau turut menyeru penggiat seni, pengaruh digital serta pemain industri kreatif tempatan agar memanfaatkan Borneo.TV sebagai pentas mengetengahkan karya asli dan suara masyarakat

Sabah secara inklusif dan berwibawa.

Majlis itu turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara Kerajaan Negeri diwakili oleh Sekretariat Sabah Maju Jaya (SMJ) dan IB Media Consultant Work Sdn Bhd, syarikat pengendali Borneo.TV yang beroperasi tanpa sebarang dana daripada kerajaan negeri.

"Model pelaksanaan ini membuktikan komitmen dan kepercayaan sektor swasta terhadap potensi penyiaran digital di Sabah. Saya yakin pendekatan ini akan meletakkan Borneo.TV sebagai platform yang berdaya saing dan mampan," jelasnya.

Hajiji turut merakamkan penghargaan kepada Sekretariat SMJ dan IB Media atas kejayaan merealisasikan pelaksanaan Borneo.TV di bawah Pelan Hala Tuju Sabah Maju Jaya 1.0, yang menekankan pembangunan sektor ekonomi kreatif sebagai salah satu pemasu utama negeri.

"Saya menyeru semua pihak-kerajaan, swasta dan masyarakat, untuk bersama menyokong usaha ini dan menggunakan ruang ini untuk mencipta, berkongsi dan menyampaikan naratif Sabah sebagaimana yang kita sendiri mahu dunia melihatnya," katanya.